

**gabungan
iseal**

**Pakar-pakar yang diiktiraf
tentang maksud kredibiliti
untuk piawaian kemampuan**

www.isealalliance.org

Prinsip-prinsip Kredibiliti ISEAL

Prinsip-prinsip Kredibiliti akan diterapkan ke atas seluruh sistem piawaian, yang merujuk kepada organisasi-organisasi yang terlibat secara kolektif dan bertanggungjawab ke atas aktiviti-aktiviti di dalam pelaksanaan piawaian, termasuk penetapan piawaian, pembinaan kapasiti, jaminan, penjenamaan dan pemantauan.

KEBENARAN

Tuntutan-tuntutan dan komunikasi yang dibuat oleh pelaku-pelaku di dalam sistem piawaian serta oleh entiti-entiti yang diperakui tentang manfaat-manfaat atau kesan-kesan disebabkan sistem ataupun daripada pembelian atau penggunaan produk ataupun perkhidmatan yang diperakui hendaklah boleh ditentupastikan, tidak mengelirukan serta boleh membuat pilihan yang termaklum

KEMAMPANAN

Pemilik-pemilik skim piawaian mendefinisikan dengan jelas serta menyampaikan objektif dan pendekatan kemampuan untuk mencapainya.

Keputusan dibuat berdasarkan yang akan memajukan objektif-objektif ini.

KESAKSAMAAN

Sistem piawaian mengenal pasti dan mengurangkan konflik kepentingan sepanjang operasi, terutamanya semasa proses jaminan dan tadbir urus. Ketelusan, aksesibiliti dan perwakilan seimbang menyumbang kepada kesaksamaan.

KEBOLEHCAPAIAN

Untuk mengurangkan halangan terhadap pelaksanaan, sistem piawaian meminimumkan kos dan bebanan keperluan yang keterlaluan. Ini akan memudahkan akses kepada maklumat untuk memenuhi piawaian, latihan dan sumber kewangan untuk membina kapasiti di sepanjang rantaian bekalan dan untuk pelaku di dalam sistem piawaian.

Tujuan utama sistem piawaian kemampuan adalah untuk membawa kesan-kesan positif terhadap sosial, alam sekitar dan ekonomi sambil mengurangkan kesan negatif.

KESAHIHAN

Kesemua komponen sistem piawaian disusun untuk memberikan hasil yang berkualiti. Secara khususnya, piawaian merupakan satu set tahap prestasi yang memberikan keputusan yang boleh diukur ke arah kemampuan skim, manakala penilaian pematuan memberikan gambaran yang tepat tentang samada sesuatu entiti memenuhi keperluan piawaian.

KAITAN

Piawaian adalah spesifik untuk tujuannya. Ia menangani kesan kemampuan yang paling ketara untuk produk, proses, perniagaan atau perkhidmatan; hanya termasuk keperluan yang menyumbang terhadap objektifnya; mencerminkan pemahaman saintifik yang terbaik dan norma antarabangsa yang berkaitan; dan disesuaikan jika perlu kepada keadaan setempat.

PENGLIBATAN

Penentu-penentu piawaian melibatkan wakil dan perkumpulan pihak yang berkepentingan yang seimbang di dalam pembangunan piawaian. Sistem piawaian menyediakan peluang yang bermakna dan mudah untuk terlibat di dalam tadbir urus, jaminan serta pemantauan dan penilaian. Mereka menguasai pihak-pihak berkepentingan untuk menyelesaikan aduan melalui cara yang adil.

PENAMBAHBAIKAN

Pemilik-pemilik skim piawaian berusaha untuk memahami kesan serta mengukur dan menunjukkan kemajuan ke arah pencapaian keputusan. Mereka sering mengintegrasikan pembelajaran dan menggalakkan inovasi untuk meningkatkan manfaat kepada masyarakat dan alam sekitar.

KECEKAPAN

Sistem piawaian merujuk kepada atau kerjasama dengan skim-skim lain yang boleh dipercayai untuk meningkatkan konsistensi dan kecekapan dalam kandungan piawaian dan amalan operasi. Ini akan meningkatkan daya maju melalui penerapan model pendapatan yang baik dan strategi pengurusan organisasi.

KETELUSAN

Sistem piawaian menyediakan maklumat sedia ada yang berkaitan secara bebas tentang pembangunan dan kandungan piawaian, cara pentadbiran sistem, pihak yang dinilai dan melalui proses yang mana, maklumat impak dan pelbagai cara di mana pihak yang berkepentingan boleh terlibat.

Integrasi prinsip-prinsip ini akan meningkatkan kemungkinan bahawa sistem piawaian akan mencapai kesan positif yang dikehendaki.

MENYEDIAKAN sistem piawaian yang BOLEH DIPERCAYAI



Kajian menunjukkan bahawa **keahlian penuh ISEAL** dikaitkan dengan peningkatan **ketelusan, kebolehcapaian** dan kesahihan suatu sistem piawaian.



KETELUSAN



52%

lebih cenderung untuk memberi maklumat secara **terbuka** tentang sistem penyelesaian pertikaian dan aduan



44%

lebih cenderung untuk memberi maklumat secara **terbuka** tentang prosedur pembangunan untuk piawaian



34%

lebih cenderung untuk memberi maklumat secara terbuka mengenai prosedur pensijilan dan pengesahan

MENYEDIAKAN sistem piawaian yang BOLEH DIPERCAYAI



Kajian menunjukkan bahawa keahlian penuh ISEAL dikaitkan dengan peningkatan ketelusan, kebolehcapaian dan kesahihan suatu sistem piawaian.

KETELUSAN



37%

lebih cenderung untuk mempunyai kos pensijilan yang dikongsi di antara pengeluar, pelaku rantai bekalan dan sistem piawaian



34%

lebih cenderung untuk menawarkan bantuan pembelajaran kepada pengeluar-pengeluar




20%

lebih cenderung untuk menawarkan bantuan kewangan kepada pengeluar

**MENYEDIAKAN sistem
piawaian yang BOLEH
DIPERCAYAI**



Kajian menunjukkan bahawa keahlian penuh ISEAL dikaitkan dengan peningkatan ketelusan, kebolehcapaian dan kesahihan suatu sistem piawaian.



11

Ahli-ahli ISEAL telah membuat penambahbaikan yang disahkan tentang amalan-amalan jaminan sejak Ogos 2016



17

Ahli-ahli ISEAL telah membuat penambahbaikan yang disahkan tentang amalan-amalan penetapan piawaian sejak Ogos 2011



12

Ahli-ahli ISEAL telah membuat penambahbaikan yang disahkan tentang amalan-amalan pemantauan & penilaian sejak Mac 2014